

SOALAN TOPIKAL SEJARAH TAHUN 5
UNIT 3 : BAHASA MELAYU WARISAN KITA

**Soalan
Objektif**

Soalan 1 dan 2 adalah berdasarkan rajah berikut



1. Apakah X?
 - A. Filum
 - B. Proto
 - C. Austik
 - D. Bahasa asal
2. Apakah nama rumpun asal Bahasa Melayu?
 - A. Algik
 - B. Asia Barat
 - C. Austronesia
 - D. Proto-Afrika
3. Berikut merupakan tanah asal bahasa Melayu kecuali
 - A. Korea
 - B. Borneo
 - C. Sumatera
 - D. Melayu Champa
4. Apakah faktor yang menyebabkan bahasa Melayu sebagai bahasa yang terus berkembang dan terkenal di dunia?
 - I) Bersifat asli
 - II) Bersifat terbuka
 - III) Mudah menerima unsur luar
 - IV) Tidak mengalami banyak perubahan
 - A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

5. Mengapakah kita harus mengekalkan Bahasa Melayu sebagai warisan negara?
- A. Menjadikan negara kita maju
 - B. Lambang kekuatan sesebuah bangsa
 - C. Membentuk rakyat yang berdaya tahan
 - D. Mencerminkan identiti sebuah negara bangsa
6. Bahasa Melayu digunakan di seluruh dunia dan dikenali sebagai *lingua franca*. Apakah maksud *lingua franca*?
- A. Kelompok bahasa induk yang berusia 5000 tahun ke atas
 - B. Kelompok bahasa yang berusia 2500–5000 tahun ke atas
 - C. Bahasa perantaraan atau perhubungan antara masyarakat
 - D. Bahasa utama yang dituturkan oleh masyarakat di seluruh dunia
7. Apakah wilayah penutur bahasa Melayu di dunia?
- I) New Zealand
 - II) Pulau Easter
 - III) Korea Selatan
 - IV) Selatan Thailand
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV
8. Pernyataan di bawah merujuk kepada salah satu catatan berkenaan wilayah penutur bahasa Melayu suatu ketika dahulu.

"Bahasa mereka, bahasa Melayu, bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir laut tetapi juga digunakan di seluruh Kepulauan Melayu dan di negeri-negeri sebelah Timur, sebagai satu bahasa yang difahami di mana sahaja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah atau sebagai bahasa lingua-franca di Itali ... bahasa itu bukan sahaja dimengerti di Parsi bahkan lebih jauh daripada itu, dan di sebelah timurnya sehingga ke Kepulauan Filipina. Dan jika sekiranya awak tidak mengetahui bahasa ini, awak dianggap sebagai seorang yang tidak terpelajar di Timur."


Siapakah tokoh yang telah merekodkan pernyataan di atas?

- A. Abel Tasman
- B. Francois Valentijn
- C. Vincenzo Coronelli
- D. Jacques-Nicolas Bellin

9. Senarai berikut merupakan bahasa luar yang mempengaruhi kosa kata bahasa Melayu moden kecuali

- A. Sepanyol
- B. Portugis
- C. Sanskrit
- D. Belanda

10. Rajah berikut adalah contoh perkataan daripada bahasa luar yang mempengaruhi bahasa Melayu moden.



Apakah bahasa X?

- A. Portugis
- B. Sepanyol
- C. Sanskrit
- D. Inggeris

11. Pilih pasangan yang betul

	Pengaruh Bahasa Luar	Bahasa Melayu Moden
A.	Rajha	Rajah
B.	Laatje	Laici
C.	Klinik	Clinic
D.	Aqal	Akal

12. Mengapakah penting untuk kita mengekalkan penggunaan bahasa ibunda?

- I) Lambang jati diri
 - II) Mewujudkan semangat perkauman
 - III) Menjadi alat penyatuan masyarakat Malaysia
 - IV) Menjadi medium penyebaran ilmu dan maklumat
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

13. Antara beriku, yang manakah **bukan** peranan bahasa Melayu?
- A. Bahasa rasmi
 - B. Bahasa rahsia
 - C. Bahasa perpaduan
 - D. Bahasa perundangan
14. Apakah kedudukan bahasa Melayu dalam aspek pentadbiran pada masa kini?
- I) Menjadi bahasa rasmi
 - II) Digunakan dalam urusan pentadbiran kerajaan
 - III) Menjadi alat perhubungan dengan kerajaan luar
 - IV) Menjadi bahasa persuratan yang menjadi kebanggaan negara
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
15. Apakah bukti bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa perundangan pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka?
- A. Menjadi *lingua franca* di pelabuhan Melaka
 - B. Digunakan dalam naskhah Hukum Kanun Melaka
 - C. Menjadi panduan penggubalan undang-undang adat
 - D. Digunakan oleh golongan ulama untuk menyampaikan ilmu agama kepada raja-raja Melayu di istana
16. Pernyataan berikut merupakan salah satu contoh peranan bahasa Melayu pada masa dahulu.

Surat Sultan Kelantan kepada Wright William Duff

Apakah peranan bahasa Melayu yang paling tepat menggambarkan contoh di atas?

- A. Bahasa rasmi
- B. Bahasa ekonomi
- C. Bahasa perhubungan
- D. Bahasa perundangan


17. Apakah akta yang memantapkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi?
- A. Akta Bahasa Rasmi 1963/65
 - B. Akta Bahasa Melayu 2000/2001
 - C. Akta Bahasa Kebangsaan 1957/63
 - D. Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67
18. Mengapakah bahasa Melayu penting digunakan sebagai bahasa rasmi?
- A. Difahami oleh kerajaan luar
 - B. Mempunyai keindahan struktur bahasa
 - C. Telah digunakan sejak zaman-berzaman
 - D. Medium dalam urusan pentadbiran harian
19. Mengapakah bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa perpaduan?
- I) Sangat mudah di fahami
 - II) Menjadi alat perhubungan dengan kerajaan luar
 - III) Menjadi bahasa persuratan yang menjadi kebanggaan negara
 - IV) Menjadi medium utama untuk menyampaikan sesuatu maklumat kepada masyarakat
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
20. Apakah aktiviti yang boleh menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan?
- I) Pertandingan sukaneka
 - II) Minggu bahasa kebangsaan
 - III) Pertandingan deklamasi sajak
 - IV) Syarahan antara murid berbilang kaum
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

Soalan Subjektif

1. Tandakan (☒) pada wilayah yang mempunyai penutur bahasa Melayu.

WILAYAH PENUTUR BAHASA MELAYU DI DUNIA

New Caledonia ☐	Arab Saudi ☐	Paraguay ☐
Vietnam (Melayu Champa) ☐	Jamaica ☐	Selatan Thailand ☐
Brunei Darussalam ☐	Afrika Selatan ☐	Jerman ☐
Bhutan ☐	Australia Barat ☐	Congo ☐
Pulau Cocos ☐	Fiji ☐	Sri Lanka ☐
Kazakhstan ☐	Madagaskar ☐	Pulau Krismas ☐
New Zealand ☐	Amerika Syarikat ☐	Kanada ☐
Pulau Easter ☐	Malaysia ☐	Myanmar ☐
Singapura ☐	Jepun ☐	Filipina ☐
Rusia ☐	Taiwan ☐	Korea Selatan ☐
Turki ☐	Indonesia ☐	Kemboja ☐



2. Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

PENGARUH BAHASA LUAR		BAHASA MELAYU MODEN
Sanskrit	Nagara	1)
	Rajha	Raja
	Putra	2)
Arab	Sholat	Solat
	Ustaz	3)
	4)	Akal
Portugis	5)	Kemeja
	Veradha	6)
	7)	Jendela
Belanda	8)	Laci
	Balkon	Balkoni
Inggeris	Hospital	Hospital
	Clinic	9)
	10)	Doktor
Cina	Cawan	Cawan
	Laici	11)
India	12)	Kapal
	Ayya	Ayah

